



Fail: (44) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.38

Tarikh: 20 Februari 2012

SIARAN MEDIA

281 PEMBELI RUMAH TAMAN CAHAYA KOTA PUTERI LEGA

PLENTONG, JOHOR BAHRU, 20 FEBRUARI 2012 – Seramai 281 Pembeli rumah di Taman Cahaya Kota Puteri hari ini menarik nafas lega setelah menerima kunci daripada Y.B. Dato' Seri Chor Chee, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Projek perumahan yang melibatkan 334 unit rumah dan terbengkalai hampir 10 tahun ini, telah mendapat perhatian daripada Jabatan Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan.

Chor melalui ucapannya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pemaju dan kontraktor penyelamat iaitu Lean Oh & Associates dan Mahabuilders Sdn. Bhd., Dewan Bandaraya Johor Bahru, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor serta agensi-agensi teknikal yang berganding bahu dalam usaha pemulihan rumah terbengkalai ini. Projek ini telah berjaya disiapkan dan telah memperoleh Sijil Layak Menduduki (CFO) pada 4 Januari 2012 yang lalu.

Negeri Johor merekodkan sebanyak 34 projek perumahan swasta yang terbengkalai dan ini melibatkan 8,334 unit rumah dan 3,926 pembeli sejak tahun 2009. Daripada jumlah ini, sebanyak 21 projek (61.8%) melibatkan 1,362 pembeli dan 1,914 unit rumah telah diselesaikan.

Kementerian dalam usaha untuk menyelesaikan sebanyak 13 lagi projek perumahan swasta terbengkalai di Negeri Johor di mana 10 projek sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan yang dijangka dapat disiapkan sebelum pertengahan tahun depan manakala tiga (3) projek dalam peringkat perancangan.

Januari 2012 sehingga pertengahan Februari 2012 menyaksikan sebanyak tujuh (7) projek diserahkan termasuklah dua (2) projek di Negeri Johor yang dibuat penyerahan pada hari ini.

Pada majlis yang sama, Chor turut memaklumkan satu berita yang menggembirakan bagi 440 pembeli rumah di Taman Mengkibol, Kluang. Pihak Kementerian telah mengenal pasti dan berbincang dengan pemaju penyelamat 'white knight' bagi pengambilalihan projek ini. Projek yang terbengkalai sejak tahun 2002 kini akan dimajukan oleh KSL Development Sdn. Bhd dan pada 15 Februari 2012, Kerajaan Negeri telah memberikan persetujuan kepada beberapa pelepasan syarat-syarat pembinaan dan seterusnya membolehkan projek ini menjadi "viable" dan akan dimulakan pembinaan dalam tempoh sebulan dari sekarang.

Kementerian turut akan membuat kajian terperinci mengenai projek-projek dalam kategori sakit/terbengkalai yang telah menyebabkan pembeli disenaraihitamkan dan diberikan notis kebankrapan. Kementerian akan mengadakan perbincangan dengan para pembiaya akhir (*end-financier*) tentang mekanisme yang boleh diguna pakai bagi membantu mengurangkan beban kewangan pembeli.

Pada lawatan sebelah pagi, satu majlis penyerahan kunci juga telah diadakan kepada penduduk Taman Mawar, Kulai di mana projek yang terbengkalai hampir 7 tahun telah diambil alih Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Sejumlah 167 projek perumahan melibatkan 53,238 unit rumah telah direkodkan sebagai projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Daripada bilangan ini, sebanyak 90 projek (53.9%) melibatkan 16,324 unit rumah telah berjaya disiapkan di mana seramai 9,722 pembeli rumah telah memperoleh manfaat. Manakala sebanyak 61 projek (36.5%) sedang berada dalam pelbagai peringkat pemulihan dan baki sebanyak 16 projek (9.6%) sedang dalam peringkat awal perancangan pemulihan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh

: Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tel: 03-8891 5555 Faks 03-8891 5557 E-mail pro@kpkt.gov.my

